

Penerapan Akhlak Melalui Teladan (Keperibadian Guru-Murid) Dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas

(The Implementation of Ethical Conduct Through Exemplary Role Modeling (Teacher-Student Personality) in the Teaching of Islamic Education for Special Education)

Norafizah Mustafa

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah*

Nursafra Mohd Zhaffar

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau*

Mahfuzah Mohammed Zabidi

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor

Abstrak

Kajian ini meneliti amalan penerapan akhlak melalui teladan dalam pengajaran Guru Pendidikan Islam (GPI) kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) di bawah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Walaupun teladan merupakan asas penting dalam pembentukan akhlak, pelaksanaannya dalam konteks pendidikan khas masih terhad didokumentasikan. Kajian ini bertujuan meneroka bagaimana keperibadian guru dan murid dijadikan model akhlak serta meneliti pendekatan yang digunakan bagi memperkukuh nilai murni dalam interaksi harian. Kajian menggunakan reka bentuk kualitatif melalui kajian kes dengan temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen melibatkan tujuh orang GPI berpengalaman. Analisis data tematik menggunakan ATLAS.ti 25 mendapati terdapat empat tema utama iaitu (i) kesabaran guru dalam menangani ragam MBPK, (ii) penggunaan murid lain sebagai role model, (iii) konsistensi tindakan dan tutur kata guru sebagai asas pembentukan sahsiah dan (iv) sifat amanah yang meningkatkan kepercayaan murid terhadap guru. Dapatan menunjukkan bahawa teladan memerlukan kesedaran, empati dan komitmen tinggi khususnya dalam konteks MBPK. Kajian ini mengukuhkan pemahaman konsep teladan dalam pendidikan Islam dan mencadangkan latihan profesional berterusan serta sokongan pentadbiran bagi memperkukuh amalan penerapan akhlak secara berkesan.

Kata kunci: Akhlak, Teladan, Guru Pendidikan Islam, Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

Abstract

This study examines the inculcation of moral values through role modelling in the teaching practices of Islamic Education teachers (GPI) for students with special educational needs (MBPK) within the Integrated Special Education Programme (PPKI). Although role modelling is widely recognised as a key approach to moral development, its application in special education contexts remains under-explored. Adopting a qualitative case study design, data were collected through semi-structured interviews, classroom observations, and document analysis involving seven experienced Islamic Education teachers. Thematic analysis using ATLAS.ti 25 identified four key themes: teachers' patience in managing diverse student behaviours, the use of peers as role models, consistency between teachers' actions and speech, and trustworthiness in fostering students' confidence. The findings indicate that effective role modelling requires strong moral awareness, empathy, and sustained commitment, particularly when working with MBPK students. This study contributes to the literature on Islamic moral education and underscores the importance of continuous professional development and institutional support to strengthen moral value inculcation in special education settings.

Keywords: Ethical Conduct, Role Model, Islamic Education Teachers, Students with Special Needs

Article Progress

Received: 19 May 2025

Revised: 04 June 2025

Accepted: 17 June 2025

1. PENGENALAN

Penerapan nilai akhlak dalam pengajaran Pendidikan Islam (PI) bermatlamat membentuk sahsiah murid yang mulia serta menjadikan akhlak sebagai panduan hidup dalam setiap aspek kehidupan seharian. Menurut al-Ghazali (1988), akhlak yang baik bukan sekadar hasil pengetahuan tetapi lahir daripada pembiasaan dan contoh teladan yang berterusan. Dalam konteks pendidikan khas, pendekatan penerapan akhlak haruslah mempertimbangkan keunikan murid dari segi perkembangan kognitif, emosi dan sosial (Moh Jamil et al., 2023). Justeru, strategi pengajaran yang menekankan kepada aspek peniruan tingkah laku melalui contoh teladan menjadi sangat signifikan bagi memastikan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) bukan sahaja memahami nilai yang diajarkan tetapi mampu menirunya secara konsisten dalam kehidupan harian.

Amalan penerapan akhlak melalui teladan teladan dalam pengajaran PI memberi peluang kepada MBPK untuk belajar melalui pengamatan dan pengalaman langsung terhadap tingkah laku guru yang mencerminkan akhlak mulia. Dalam hal ini, guru Pendidikan Islam (GPI) bukan sekadar penyampai ilmu tetapi berperanan sebagai model yang menunjukkan nilai-nilai seperti sabar, jujur, amanah dan tolong-menolong. Amalan penerapan akhlak melalui teladan ini amat penting kepada murid kerana mereka memerlukan pendekatan pembelajaran yang konkrit, berulang dan berasaskan pengalaman (Roznaineh & Musaiyadah, 2024) termasuk kepada MBPK. Dengan melihat contoh akhlak secara langsung, MBPK dapat menghubungkan antara ilmu yang disampaikan dan tingkah laku yang perlu diamalkan.

Nilai akhlak turut berkait rapat dengan pembinaan keyakinan diri dan kesejahteraan emosi MBPK. Dalam pengajaran Pendidikan Islam, nilai seperti hormat, kasih sayang dan tanggungjawab bukan sekadar diajar secara lisan tetapi perlu dizahirkan dalam interaksi harian. Apabila guru menunjukkan sifat ihsan dan empati dalam menguruskan tingkah laku MBPK, murid akan merasa dihargai dan secara tidak langsung terdorong untuk meniru sikap tersebut. Maka, strategi teladan bukan sahaja membentuk akhlak murid tetapi juga membina hubungan mesra dan suasana pembelajaran yang positif (Nor Izzati, 2021). Strategi teladan dalam pengajaran PI di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) selari dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) agar guru menjadi insan yang memperlihatkan akhlak Islam dalam setiap tindakan dan keputusan. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) PI bagi murid berkeperluan khas turut menggariskan keperluan membimbing murid melalui pendekatan berasaskan pengalaman, sokongan dan pemodelan tingkah laku yang baik. Guru disaran mengaplikasikan strategi ini secara berstruktur melalui aktiviti seperti lakonan nilai, simulasi, penceritaan sirah dan refleksi sendiri agar murid lebih mudah memahami dan menjiwai akhlak yang dipelajari (Mohd Sharif et. al, 2022)

Kerangka teori yang menyokong strategi teladan dapat dirujuk kepada Teori Kognitif Sosial yang diasaskan oleh Albert Bandura (1977). Teori ini menekankan pembelajaran melalui pemerhatian dan peniruan terhadap individu yang dijadikan model (Schunk & DiBenedetto, 2020). Dalam konteks ini, guru sebagai model berperanan besar dalam menunjukkan tingkah laku akhlak yang boleh ditiru oleh murid. Bandura (1977) menjelaskan bahawa proses pembelajaran berlaku apabila individu melihat model melakukan sesuatu tindakan, memahami akibat tindakan tersebut, lalu menirunya dalam situasi sebenar. Maka, guru PI dalam kelas PPKI perlu menunjukkan secara jelas dan berulang-ulang bagaimana nilai seperti sabar ketika menegur, bersyukur ketika menerima dan pemaaf apabila berlaku kesalahan. Teori ini juga memperkenalkan konsep "*self-efficacy*" iaitu kepercayaan individu terhadap keupayaan diri untuk melakukan sesuatu tingkah laku. Dalam hal ini, guru yang konsisten menunjukkan akhlak baik memberi keyakinan kepada murid bahawa mereka juga mampu mencontohi nilai tersebut. Bagi MBPK, keupayaan untuk meniru dan menghayati nilai sering bergantung kepada kekuatan model yang mereka lihat setiap hari iaitu guru mereka sendiri. Maka, setiap perbuatan guru dari cara menyapa, memberi arahan hingga cara menyelesaikan konflik merupakan bahan pengajaran akhlak secara langsung.

Teori ini sejajar dengan pendekatan Vygotsky (1978) mengenai Zone of Proximal Development (ZPD) iaitu zon di mana murid boleh mencapai potensi tertentu dengan bantuan individu yang lebih berpengetahuan. Dalam pendidikan khas, guru bertindak sebagai “*scaffold*” iaitu menyokong pembelajaran murid dengan menunjukkan tingkah laku yang sesuai dan memberi tunjuk ajar yang berterusan. Proses ini membantu murid melangkah ke tahap penghayatan akhlak yang lebih tinggi dari hanya mengetahui kepada mengamalkan dengan kefahaman (Pritchard & Woollard, 2010).

Dalam perspektif Islam, strategi teladan ini sangat selari dengan konsep *qudwah hasanah* yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. Baginda SAW merupakan contoh terbaik dalam menyampaikan ajaran Islam bukan sekadar melalui kata-kata tetapi melalui perbuatan yang konsisten dan selaras dengan ajaran yang disampaikan. Sejarah memperlihatkan bagaimana akhlak baginda menarik minat masyarakat sekeliling sehingga terbentuknya peradaban Islam yang gemilang (Nadzri et al., 2021; Mushlih Candrakusuma, 2020). Keselarian antara kata dan perbuatan baginda ini yang merujuk kepada keselarasan antara apa yang diajar, dituturkan dan diamalkan menjadi faktor utama keberkesanan dakwah Rasulullah SAW. Dalam hal ini, Imam al-Ghazali (1988) turut menegaskan bahawa akhlak tidak dapat dipelajari melalui teori semata-mata tetapi memerlukan latihan jiwa serta peniruan terhadap individu yang berakhlak mulia. Menyertai dan melihat tingkah laku mereka merupakan kaedah mendalam dalam pendidikan akhlak. Oleh itu, GPI di kelas PPKI perlu menjadi teladan yang menzahirkan nilai Islam dalam seluruh ekosistem sekolah, bukan hanya ketika mengajar di dalam kelas. Nilai tersebut perlu diterjemahkan dalam komunikasi harian, pengurusan emosi, interaksi sosial dan penyelesaian masalah. Teladan yang konsisten ini akan membantu murid memahami bahawa nilai Islam bukan hanya pengetahuan yang dipelajari dalam buku bahkan perlu diamalkan dalam kehidupan seharian.

Kesimpulannya, amalan penerapan akhlak melalui teladan merupakan pendekatan yang amat sesuai dan berkesan dalam membentuk nilai akhlak dalam kalangan MBPK. Pendekatan ini bukan sahaja memenuhi keperluan perkembangan kognitif dan sosial murid tetapi juga selari dengan ajaran Islam serta disokong oleh kerangka teori pendidikan moden. Antaranya seperti yang telah dinyatakan sebelum ini teori pembelajaran Sosial Bandura (1977) yang menekankan pembelajaran melalui pemerhatian dan peniruan (*observational learning*) serta model pendidikan akhlak Imam al-Ghazali (1988) yang menegaskan bahawa akhlak hanya dapat diperoleh melalui latihan jiwa, peniruan individu soleh dan amalan berterusan. Sehubungan itu, guru sebagai model utama akhlak Islam di sekolah perlu sentiasa sedar bahawa setiap tindakan, pertuturan dan reaksi mereka merupakan bentuk pengajaran yang kuat dan memberi kesan mendalam terhadap pembentukan jiwa serta tingkah laku murid.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian lepas telah membuktikan bahawa keupayaan guru untuk berperanan sebagai model yang baik dalam bilik darjah memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku serta pemikiran murid. Dalam konteks Pendidikan Islam terutamanya kepada MBPK, keperluan ini menjadi lebih mendesak kerana MBPK ini memerlukan rangsangan yang konkrit, konsisten dan mudah difahami dalam membina akhlak dan sahsiah diri. Beberapa kajian terdahulu turut menegaskan bahawa guru yang memiliki kemahiran akhlak yang tinggi bukan sahaja berfungsi sebagai penyampai ilmu tetapi juga sebagai pembimbing rohani yang menunjukkan akhlak terpuji melalui perbuatan dan tingkah laku harian mereka (Nur Shahidah et al., 2024). Salinda & M. Zulkifli (2022) menyatakan bahawa guru yang kritis, dalam erti kata mempunyai kepekaan terhadap dimensi etika dan moral dalam pendidikan, berupaya memodelkan akhlak mulia yang boleh diteladani oleh murid secara langsung melalui interaksi harian mereka di dalam dan di luar bilik darjah.

Dalam hal ini, konsep teladan atau permodelan akhlak yang ditunjukkan oleh guru melalui perbuatan dan sikap yang konsisten telah dikenal pasti sebagai satu strategi penting dalam

pemupukan nilai akhlak dalam kalangan murid, termasuk MBPK. Kaedah ini membolehkan murid melihat contoh nyata dan konkrit bagaimana nilai-nilai seperti kesabaran, keikhlasan, hormat-menghormati, serta kasih sayang diterjemahkan dalam tingkah laku harian. Zulkifli & Mohd Noor (2022) menegaskan bahawa permodelan yang berlaku secara langsung dalam bilik darjah boleh memberi kesan signifikan terhadap pembentukan nilai dan cara murid berfikir termasuklah keupayaan mereka memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip akhlak Islam.

Namun begitu, kajian oleh Sanderse (2023) menimbulkan kebimbangan terhadap keberkesanan permodelan yang dilakukan secara implisit iaitu hanya melalui tindakan semata-mata tanpa penjelasan lisan atau refleksi bersama murid. Dalam keadaan ini, mesej moral atau nilai yang ingin disampaikan berkemungkinan tidak difahami sepenuhnya oleh murid terutamanya MBPK yang memerlukan komunikasi yang lebih jelas dan eksplisit. Hal ini disebabkan oleh kemungkinan wujudnya jurang interpretasi antara niat guru dan tanggapan murid atau kerana murid tidak menyedari secara langsung bahawa sesuatu tindakan guru tersebut membawa nilai yang sepatutnya dicontohi.

Terdapat juga beberapa kajian yang meneliti aspek permodelan dalam pengajaran guru Pendidikan Islam. Sebagai contoh, kajian oleh Wan Ali Akbar et al., (2021) membincangkan walaupun guru sedar akan kelemahan mereka sebagai manusia biasa, mereka tetap berusaha menampilkan akhlak yang terbaik agar dapat menjadi contoh teladan kepada murid. Walau bagaimanapun, fokus kajian tersebut lebih kepada penerimaan murid terhadap permodelan guru dan kurang menumpukan kepada strategi atau mekanisme khusus permodelan yang digunakan oleh guru apatah lagi dalam konteks pendidikan khas.

Paul A. Wagner (2022) telah mencadangkan bahawa terdapat tiga elemen penting dalam pelaksanaan permodelan berkesan iaitu (a) pemerhatian tajam (*observing pointed*), (b) penerangan tepat pada masanya (*timely explanation*) dan (c) pengamalan berterusan (*practice*). Ketiga-tiga elemen ini perlu dilaksanakan secara bersepadu agar permodelan guru tidak bersifat pasif atau sekadar spontan. Guru perlu bijak memanfaatkan ruang interaksi dengan murid untuk bukan sahaja menunjukkan akhlak, tetapi juga memberi penjelasan tentang nilai yang terkandung di sebalik sesuatu tindakan dan memberi ruang kepada murid untuk mengamalkan nilai tersebut secara berperingkat. Namun begitu, kajian Paul A. Wagner ini bersifat tinjauan literatur dan tidak mengambil kira konteks pendidikan Islam atau amalan MBPK di Malaysia. Oleh itu, kajian ini memberi fokus kepada penerapan nilai akhlak melalui teladan oleh GPI dalam kelas PPKI, supaya hasilnya lebih relevan dan signifikan dengan konteks tempatan.

Norafizah & Nursafra (2024) turut menegaskan keperluan kajian mendalam yang bersifat kontekstual dan berpanduan realiti lapangan terutamanya yang melibatkan populasi MBPK. Sebarang strategi pengajaran yang menjurus kepada pemupukan pemikiran atau nilai akhlak harus mengambil kira latar belakang budaya, kapasiti kognitif dan pengalaman pembelajaran MBPK. Dalam konteks ini, pendekatan yang fleksibel merujuk kepada keupayaan guru menyesuaikan kaedah dan aktiviti mengikut keperluan serta kemampuan individu murid, manakala pendekatan holistik menekankan pemupukan akhlak secara menyeluruh meliputi aspek kognitif, emosi, sosial dan spiritual supaya nilai Islam dapat difahami dan diamalkan dalam semua aspek kehidupan MBPK.

3. OBJEKTIF

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka secara terperinci bagaimana Pendidikan Islam melaksanakan penerapan akhlak melalui teladan kepada MBPK selari dengan prinsip pengajaran berasaskan akhlak dalam Islam. Kajian ini bertujuan menjawab persoalan utama: Bagaimanakah GPI menerapkan akhlak melalui teladan dalam pengajaran kepada MBPK? Objektif khususnya ialah untuk:

- i. Mengetahui strategi teladan yang digunakan oleh GPI dalam membimbing MBPK.
- ii. Menilai keberkesanan penerapan akhlak melalui teladan dalam memupuk nilai kognitif, emosi, sosial dan spiritual murid.

4. METODOLOGI

Dalam usaha meneroka secara terperinci fenomena yang dikaji, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes sebagai kerangka utama metodologi. Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang bagaimana nilai akhlak diterapkan melalui pendekatan teladan dalam pengajaran GPI kepada MBPK. Kajian ini juga berasaskan kepercayaan bahawa kefahaman terhadap sesuatu realiti bergantung kepada bagaimana individu mengalami dan mentafsir persekitaran di sekeliling mereka, yang dipengaruhi oleh latar belakang sosial, budaya dan pengalaman peribadi. Justeru, fokus kajian ini ditumpukan kepada aspek tertentu dalam amalan pengajaran dengan asas daripada kajian literatur dan diperluaskan melalui data yang diperoleh secara langsung daripada peserta (Yin, 2018).

Data kajian ini diperoleh melalui pelbagai kaedah termasuk temu bual, pemerhatian dalam bilik darjah dan analisis dokumen yang berkaitan. Proses analisis dilakukan secara induktif dengan menumpukan kepada interpretasi yang diberikan oleh peserta terhadap pengalaman mereka. Dapatan kajian dihuraikan secara menyeluruh berdasarkan konteks pengajaran dalam bilik darjah sebenar. Kefahaman terhadap fenomena ini dibina melalui makna yang dikongsi oleh peserta mengenai amalan pengajaran mereka. Hasil analisis mendedahkan pelbagai perspektif dan tema-tema yang terbentuk mencerminkan bagaimana GPI menerapkan nilai akhlak melalui teladan dalam tingkah laku dan interaksi seharian.

Kajian ini dilaksanakan dalam persekitaran bilik darjah sebenar dalam PPKI yang mencerminkan suasana pengajaran dan pembelajaran sebenar. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian bukan peserta iaitu pemerhatian dilakukan secara teliti dari belakang kelas tanpa mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Rakaman video turut digunakan bagi mendokumentasikan interaksi dan perlakuan guru yang menunjukkan penerapan akhlak melalui teladan.

Di samping pemerhatian, temu bual separa berstruktur turut digunakan sebagai kaedah utama dalam pengumpulan data (Creswell, 2014; Merriam, 2009). Temu bual dijalankan secara bersemuka antara pengkaji dan peserta selama kira-kira satu jam atau lebih. Bagi mendapatkan pandangan sokongan dan pengesahan terhadap amalan teladan yang ditunjukkan oleh guru yang dikaji, beberapa orang rakan sejawat turut ditemu bual. Mereka memberi maklum balas berdasarkan pemerhatian dan pengalaman bekerja bersama peserta kajian dan MBPK itu sendiri. Rakaman audio serta catatan nota lapangan digunakan untuk memperkukuh dan memvalidasi data temu bual (Rubin & Rubin, 2012).

Data daripada temu bual digunakan sebagai kaedah triangulasi untuk memperkukuh maklumat yang diperoleh daripada pemerhatian dan analisis dokumen dalam kajian mengenai penerapan nilai akhlak melalui teladan dalam pengajaran GPI Pendidikan Khas. Triangulasi ini berfungsi untuk meningkatkan kesahan dapatan dengan membandingkan data daripada pelbagai sumber, sama ada untuk mengesahkan kesamaan maklumat atau memperlihatkan perbezaan perspektif yang wujud (Creswell, 2014; Merriam, 2009; Patton, 2015). Selain itu, semakan silang turut dilakukan melalui pemerhatian berulang dan temu bual susulan pada masa yang berlainan bagi memastikan ketepatan dan konsistensi data yang diperoleh (Creswell, 2014; Patton, 2015).

Akhir sekali adalah analisis dokumen iaitu dokumen yang dianalisis seperti Rancangan Pengajaran Harian (RPH), bahan bantu mengajar serta Rancangan Pelan Individu (RPI) yang menggambarkan perancangan guru dalam menerapkan nilai akhlak melalui teladan kepada MBPK.

4.1 Sampel kajian

Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk memilih peserta yang berpotensi memberi pemahaman mendalam terutamanya mengenai aspek kompetensi dan pengalaman dalam menerapkan nilai akhlak melalui teladan dalam pengajaran GPI Pendidikan Khas. Berdasarkan cadangan Patton (2002), kriteria pemilihan peserta ditentukan berdasarkan beberapa aspek utama yang relevan dengan keperluan MBPK. Ciri-ciri yang digunakan untuk memilih peserta termasuk: a) Mempraktikkan pengajaran yang berpusatkan murid dalam kelas Pendidikan Khas seperti menyediakan ruang yang menyokong MBPK untuk menonjolkan diri, menggalakkan interaksi dalam pengajaran serta membantu murid mengembangkan pelbagai perspektif dalam mencari penyelesaian, b) Memiliki pengalaman mengajar lebih daripada lima tahun dalam konteks Pendidikan Khas, dan c) Mempunyai kemampuan untuk bekerjasama dengan baik dalam kajian ini terutamanya dalam memahami keperluan khas murid.

Dalam kajian ini, teknik *snowball sampling* digunakan untuk memilih peserta yang memenuhi kriteria kajian terutamanya disebabkan oleh kesukaran untuk mengenal pasti peserta yang sesuai dalam kalangan GPI yang mengajar MBPK. Menurut Creswell (2014), teknik ini sesuai digunakan apabila pengkaji berhadapan dengan populasi yang sukar dijangkau atau tersembunyi seperti dalam konteks ini iaitu pengkaji perlu mengenal pasti guru-guru yang mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam menerapkan nilai akhlak dalam pengajaran MBPK.

Proses pemilihan peserta dimulakan dengan merujuk pegawai di Bahagian Pendidikan Khas, KPM dan JPN yang terlibat yang kemudian memperkenalkan pengkaji kepada guru-guru yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Setiap guru yang dikenal pasti kemudian mencadangkan rakan guru lain dan menghasilkan satu rangkaian peserta yang semakin berkembang. Teknik ini membantu memperluas sampel peserta dengan berkesan sambil memastikan bahawa pemilihan peserta adalah relevan dengan konteks kajian iaitu pengajaran nilai akhlak melalui teladan dalam bilik darjah MBPK. Seperti yang dinyatakan oleh Patton (2002), *snowball sampling* sangat berguna dalam kajian yang melibatkan populasi yang sukar dicapai iaitu rujukan peserta pertama akan membuka peluang untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam mengenai amalan pengajaran guru.

Maka kajian ini memfokuskan analisis terhadap tujuh orang guru yang kesemuanya dipilih berdasarkan kriteria yang serupa dan mempunyai ciri-ciri yang sama (homogen). Dengan kata lain, kesemua peserta (GPI) dipilih kerana mereka memenuhi kriteria tertentu yang relevan dengan kajian dan mereka dianggap mempunyai sifat atau pengalaman yang serupa. Kajian turut melihat peserta kajian sebagai satu kumpulan atau "kes" yang akan dianalisis bersama untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai fenomena yang dikaji. Demografi peserta akan dibentangkan dalam Jadual 1;

Jadual 1: Demografi Guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas

Peserta Kajian	Pengkhususan Universiti	Tahap Pendidikan	Kelayakan Ikhtisas	Pengalaman Mengajar
1	Fiqh & Usul	Ijazah Sarjana Muda	Pendidikan Khas	> 10 tahun
2	Pendidikan Islam	Ijazah Sarjana Muda	Pendidikan Khas	> 10 tahun
3	Syariah & Undang-Undang	Ijazah Sarjana Muda	Pendidikan Khas	> 10 tahun
4	Quran & Sunnah	Ijazah Sarjana Muda	Pendidikan Khas	> 10 tahun
5	Syariah Islamiah	Ijazah Sarjana	Pendidikan Khas	> 15 tahun
6	Pendidikan Islam	Ijazah Sarjana Muda	Pendidikan Khas	> 5 tahun
7	Usuluddin	Ijazah Sarjana Muda	Pendidikan Khas	> 5 tahun

5. DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati bahawa tema utama amalan penerapan akhlak adalah melalui teladan yang diamalkan oleh GPI dalam pengajaran kepada MBPK. Teladan akhlak yang ditunjukkan melalui keperibadian guru dan murid ini memberi impak yang signifikan dalam konteks pengajaran kepada MBPK. Berdasarkan dapatan kajian, GPI memainkan peranan utama sebagai model akhlak yang konsisten dalam tindakan, pertuturan dan interaksi harian mereka. Keperibadian yang ditonjolkan oleh GPI bukan sahaja memberi kesan langsung kepada pembentukan sahsiah MBPK tetapi juga membentuk persekitaran pembelajaran yang kondusif dan berteraskan nilai-nilai Islam.

Melalui penganalisan data temu bual, pemerhatian dan dokumen terdapat empat subtema utama yang membentuk amalan penerapan akhlak melalui teladan dalam aspek keperibadian guru-murid, iaitu: (i) Kesabaran Menghadapi Pelbagai Ragam MBPK, (ii) Menjadikan Murid Lain sebagai Role Model, (iii) Konsistensi dalam Tindakan dan Kata-Kata, dan (iv) Amanah dalam Menjalankan Tugas. Perincian bagi setiap subtema dipaparkan dalam jadual-jadual berikut.

5.1 Kesabaran Menghadapi Pelbagai Ragam MBPK

Jadual 2: Analisis Data Temu Bual dan Pemerhatian berkaitan Amalan Kesabaran Guru dalam Pembentukan Nilai Akhlak MBPK

Catatan GPI/Murid	Dialog	Catatan
Temubual GPI 2	<i>“Saya tahu murid saya suka ulang-ulang benda sama. Kadang 10 kali dia tanya benda yang sama. Tapi saya tetap jawab elok-elok, sebab saya tahu itu cara dia belajar.”</i>	Guru menunjukkan kesabaran tinggi terhadap ciri pengulangan dalam pembelajaran MBPK. Pendekatan ini menggalakkan nilai toleransi dan empati.
Pemerhatian GPI 7	(Murid menjerit secara tiba-tiba dalam kelas. GPI tidak marah, tetapi menghampiri murid perlahan-lahan dan menenangkan dengan sentuhan bahu dan senyuman.)	Guru mengekalkan ketenangan, tidak bertindak reaktif — satu bentuk model tingkah laku sabar yang boleh ditiru murid.

Berdasarkan Jadual 2, kesabaran yang ditunjukkan oleh GPI dapat dikenal pasti sebagai elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran, khususnya ketika berinteraksi dengan murid MBPK yang mempunyai kepelbagaian tingkah laku serta gaya pembelajaran yang berbeza. GPI 2, sebagai contoh, menunjukkan kesabaran yang tinggi ketika berhadapan dengan murid yang sering mengulang soalan yang sama. Walaupun soalan tersebut diajukan berulang kali, GPI 2 tidak

menunjukkan rasa jemu atau marah, sebaliknya memberikan jawapan dengan cara yang lembut dan penuh empati. *“Saya tahu murid saya suka ulang-ulang benda sama. Kadang 10 kali dia tanya benda yang sama. Tapi saya tetap jawab elok-elok, sebab saya tahu itu cara dia belajar.”* Perkataan ini menunjukkan pemahaman GPI tentang keperluan murid-murid MBPK yang mungkin memerlukan pengulangan untuk memproses maklumat dengan lebih baik. GPI 2 tidak hanya menunjukkan kesabaran dalam bertindak tetapi juga memahami bahawa pengulangan adalah cara murid tersebut belajar. Kesabaran ini bukan sahaja memperlihatkan toleransi terhadap tingkah laku murid, tetapi juga menunjukkan empati terhadap keperluan pembelajaran mereka.

Dalam pemerhatian lain, apabila seorang murid menjerit secara tiba-tiba dalam kelas, GPI 7 tidak bertindak reaktif dengan cara marah atau menghukum. Sebaliknya, GPI 7 mendekati murid tersebut dengan perlahan, menenangkan dengan sentuhan bahu dan senyuman. Keadaan ini menunjukkan ketenangan yang ditunjukkan oleh GPI sebagai bentuk permodelan kesabaran. Murid yang melihat tingkah laku ini berpeluang untuk mencontohi cara GPI mengendalikan situasi dengan sabar sekali gus memberi kesan positif dalam pembentukan akhlak mereka. *“GPI tidak marah, tetapi menghampiri murid perlahan-lahan dan menenangkan dengan sentuhan bahu dan senyuman.”* Tindakan ini bukan sahaja menunjukkan kesabaran tetapi juga menyediakan contoh perbuatan yang boleh dicontohi oleh murid. Dalam konteks MBPK, tingkah laku seperti ini adalah penting untuk membantu murid memahami cara yang lebih baik dalam mengendalikan emosi dan tingkah laku mereka. Kesabaran yang ditunjukkan oleh GPI bukan sahaja memperbaiki suasana kelas tetapi juga memberikan pengajaran berharga tentang pengendalian emosi dalam situasi yang tidak dijangka.

Secara keseluruhan, kesabaran dalam pengajaran GPI kepada MBPK adalah contoh peranan penting yang dimainkan oleh guru dalam membentuk tingkah laku dan perkembangan moral murid. Melalui kesabaran, GPI tidak hanya membantu murid mengatasi cabaran pembelajaran tetapi juga menyediakan model tingkah laku yang positif bagi murid untuk diikuti.

5.2 Menjadikan Murid Lain sebagai Role Model

Jadual 3: Analisis Data Temu Bual dan Pemerhatian berkaitan Penggunaan Murid sebagai Role Model dalam Pembentukan Nilai Akhlak MBPK

Catatan GPI/Murid	Dialog	Catatan
Temubual GPI 4	<i>“Kita tengok kawan kita si Ali, bila masuk kelas terus bagi salam dan duduk diam. Bagus kan? Siapa lagi nak cuba macam tu?”</i>	Guru menggunakan murid sebagai teladan bagi membina motivasi dan memberi gambaran tingkah laku akhlak yang diharapkan.
Pemerhatian GPI 1	(Guru memuji tindakan Murid A di hadapan murid lain apabila dia membantu rakannya mengemas alat tulis.)	Tindakan mempamerkan tingkah laku baik murid lain menjadi contoh langsung yang dapat difahami dengan lebih mudah oleh MBPK.

Berdasarkan Jadual 3, penggunaan murid lain sebagai role model didapati membantu GPI membina motivasi murid dan memupuk nilai akhlak secara lebih berkesan. GPI 4 menggunakan contoh murid lain iaitu Ali untuk memberi gambaran tentang tingkah laku yang diharapkan. Dengan memberikan perhatian kepada Ali yang masuk kelas, memberi salam, dan duduk dengan diam, GPI mencipta peluang untuk memuji tindakan baik yang dilakukan oleh murid tersebut, yang sekaligus menggalakkan murid lain untuk mencontohi tingkah laku tersebut.

"Kita tengok kawan kita si Ali, bila masuk kelas terus bagi salam dan duduk diam. Bagus kan? Siapa lagi nak cuba macam tu?"

Murid lain yang mendengar kata-kata ini berpeluang untuk menilai dan memikirkan kesan tindakannya sendiri sambil memerhati tingkah laku positif yang ditunjukkan oleh rakan mereka, sekaligus memberi gambaran yang jelas tentang nilai-nilai yang harus diterapkan dalam kehidupan seharian..

Selain itu, tindakan memuji Murid A yang membantu rakannya mengemas alat tulis juga menguatkan lagi idea ini. GPI mempamerkan tindakan teladan positif melalui pengiktirafan tingkah laku yang baik dalam kalangan murid, yang membolehkan MBPK melihat tingkah laku tersebut sebagai sesuatu yang diutamakan dalam persekitaran pembelajaran mereka.

"Guru memuji tindakan Murid A di hadapan murid lain apabila dia membantu rakannya mengemas alat tulis."

Dengan cara ini, tingkah laku baik yang diperlihatkan oleh murid lain menjadi model yang jelas dan mudah difahami oleh MBPK, mengukuhkan nilai kerjasama dan tanggungjawab dalam kalangan murid. Secara keseluruhan, penggunaan murid lain sebagai role model adalah pendekatan yang sangat efektif dalam membantu MBPK memahami dan mengamalkan nilai-nilai yang diajarkan.

5.3 Konsistensi dalam Tindakan dan Kata-Kata

Jadual 4: Analisis Data Temu Bual dan Pemerhatian berkaitan Konsistensi Kata dan Tindakan Guru dalam Pembentukan Nilai Akhlak MBPK

Catatan GPI/Murid	Dialog	Catatan
GPI 3	<i>"Kalau saya suruh murid beratur, saya pun akan ikut beratur kalau masuk dewan. Tak boleh suruh orang buat tapi kita sendiri tak buat."</i>	Guru menegaskan pentingnya keselarasan antara kata dan tindakan sebagai prinsip akhlak yang jelas kepada MBPK.
GPI 6	<i>"Saya sendiri akan minta maaf bila tersilap bagi arahan ke tersilap cakap ke. Jadi benda tu jadi contoh pada murid untuk ikut sama"</i>	Murid perhatikan dan meniru konsistensi nilai yang ditunjukkan guru - menunjukkan keberkesanan teladan secara langsung.

Dalam subtema ketiga ini, Jadual 4 menunjukkan bahawa konsistensi antara kata-kata dan tindakan guru merupakan prinsip penting dalam mendidik MBPK. GPI 3 menekankan bahawa keselarasan antara apa yang dikatakan dan apa yang dilakukan adalah aspek utama dalam menanamkan akhlak yang baik. Sebagai contoh, GPI 3 berkata:

"Kalau saya suruh murid beratur, saya pun akan ikut beratur kalau masuk dewan. Tak boleh suruh orang buat tapi kita sendiri tak buat."

Ayat ini menunjukkan bahawa GPI tidak hanya mengajar prinsip keteraturan tetapi juga mempraktikkannya melalui tindakannya sendiri seperti disiplin waktu, penyusunan aktiviti yang sistematik dan konsistensi dalam memberi arahan serta mematuhi peraturan kelas. Sikap ini bukan sahaja menguatkan keberkesanan pengajaran tetapi juga memberikan contoh langsung kepada murid mengenai kepentingan konsistensi dalam setiap perbuatan mereka, seterusnya memupuk nilai keteraturan dalam kehidupan seharian.

Dalam satu contoh, GPI menekankan pentingnya kerendahan hati (*humility*) dan kesopanan dengan mengatakan:

“Saya sendiri akan minta maaf bila tersilap bagi arahan atau tersilap cakap. Jadi, benda tu jadi contoh pada murid untuk ikut sama.”

Tindakan dan kata-kata GPI ini memberikan teladan langsung kepada murid tentang cara meminta maaf dan mengakui kesilapan, sekaligus memupuk nilai kesopanan dan tanggungjawab dalam kalangan MBPK. Konsistensi dalam tindakan dan kata-kata GPI memberi impak langsung kepada MBPK. Dalam hal ini, GPI menunjukkan bahawa kesilapan adalah sesuatu yang boleh diterima dan mengajar murid untuk berani mengakui kesalahan dan meminta maaf yang merupakan nilai penting dalam pembentukan akhlak yang baik.

Secara keseluruhannya, konsistensi dalam tindakan dan kata-kata bukan sahaja membantu murid memahami apa yang diajar tetapi juga memastikan bahawa nilai-nilai yang diajarkan diperkuat melalui permodelan langsung tingkah laku oleh guru. Dalam konteks MBPK, ini sangat penting kerana mereka lebih cenderung meniru dan mencontohi tingkah laku yang dilihat daripada orang dewasa di sekeliling mereka.

5.4 Amanah

Jadual 5: Analisis Data Temu Bual dan Pemerhatian berkaitan Pemahaman dan Pengamalan Nilai Amanah oleh MBPK

GPI/Murid	Dialog	Catatan
GPI 2	“Hari ini kita belajar tentang amanah. Ustaz minta kamu jaga buku doa kamu baik-baik, sebab itu amanah.”	GPI menjelaskan konsep amanah dalam konteks yang mudah difahami MBPK.
GPI 3	(Menyerahkan semula buku doa yang dijaga di rumah) “Saya tak koyak ustaz, saya simpan elok.”	Murid menunjukkan usaha memahami dan mengamalkan amanah melalui tindakan.

Dalam subtema ini, Jadual 5 menunjukkan bahawa nilai amanah dalam kalangan MBPK dikenalpasti dapat diterapkan melalui pendekatan teladan yang konsisten oleh GPI. Nilai ini bukan sahaja ditonjolkan oleh guru sebagai pemegang tanggungjawab utama dalam menyampaikan ilmu tetapi juga dapat dilihat pada usaha murid dalam memahami dan melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

Sebagai contoh, dalam satu sesi pengajaran, GPI mengaitkan konsep amanah dengan penjagaan bahan pembelajaran seperti buku doa yang dibawa pulang oleh murid ke rumah. GPI menyatakan : *“Hari ini kita belajar tentang amanah. Ustaz minta kamu jaga buku doa kamu baik-baik, sebab itu amanah”* (GPI menyampaikan nilai amanah melalui tugas mudah dan nyata kepada murid). Dialog ini menunjukkan bahawa GPI sengaja memilih konteks yang konkrit dan mudah dicapai oleh MBPK untuk menjelaskan makna amanah. Arahan yang jelas dan berbentuk tindakan memberi ruang kepada murid untuk memahami nilai tersebut secara praktikal. Reaksi murid terhadap tugas ini juga mencerminkan penerimaan dan aplikasi nilai amanah. Seorang murid menyatakan : *“Saya tak koyak ustaz, saya simpan elok.”* (Murid menunjukkan usaha menjaga barang amanah dan memahami nilai tersebut melalui tindakan). Tindak balas murid ini mencerminkan satu bentuk kesedaran terhadap tanggungjawab yang diberikan serta keinginan untuk menjaga kepercayaan yang diberikan oleh guru. Meskipun nilai amanah dilihat sebagai suatu konsep

yang abstrak, namun apabila diturunkan kepada tindakan yang bersifat konkrit dan berulang, ia boleh difahami serta dihayati oleh murid berkeperluan khas.

Pemerhatian ini memperkukuhkan dapatan bahawa teladan nilai akhlak oleh guru melalui arahan yang jelas dan tugasan yang sesuai dengan keupayaan murid mampu membentuk kefahaman akhlak seperti amanah dalam kalangan MBPK. Secara tidak langsung, guru bukan sahaja mengajar nilai tersebut, tetapi turut memberi ruang kepada murid untuk melaksanakan nilai berkenaan dalam konteks harian mereka.

6. KESIMPULAN

Peranan GPI dalam menerapkan akhlak kepada MBPK melalui pendekatan teladan adalah sangat penting. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan teladan yang ditunjukkan oleh GPI memainkan peranan utama dalam membentuk akhlak dan sahsiah MBPK. Sekiranya GPI gagal menunjukkan teladan yang konsisten dalam tindakan, kata-kata dan interaksi harian, penerapan nilai akhlak kepada MBPK akan kurang berkesan. Oleh itu, keperibadian GPI yang mencerminkan nilai-nilai Islam seperti sabar, amanah, dan kejujuran perlu sentiasa dipraktikkan secara konsisten. Empat amalan utama yang dikenal pasti melalui analisis data iaitu kesabaran menghadapi pelbagai ragam MBPK, menjadikan murid lain sebagai role model, konsistensi dalam tindakan dan pertuturan serta amanah dalam melaksanakan tugas perlu diteruskan dan diperkuatkan dalam konteks pengajaran. Hal ini bukan sahaja memberi impak positif terhadap pembentukan akhlak MBPK tetapi juga mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan berpaksikan nilai murni Islam.

7. PENGHARGAAN

Kelulusan etika itu diperoleh daripada jawatankuasa etika Universiti Teknologi MARA (UiTM) (REC/01/2025 (PG/MR/58)), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM.600-3/2/3-eras (21576)), Negeri Selangor, Jabatan Pendidikan (JPNS.SPD. 600 - 1/1/2 JLD.45 (24)), Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan (JPNS.SPD. 500 – 8-9-1 (3)), Negeri Johor (JPNJ.100-12/2/1 Jld. 13 (79)).

RUJUKAN

Al-Ghazali, A. H. M. (1988). *Ihya Ulum al-Din*. Singapura: Pustaka Nasional.

Ali Akbar, W. A., Khadijah, A. R., & Mohd Isa, H. (2021). Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(1), 63–74.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tahun 1 Sekolah Rendah*. Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://bpk.moe.gov.my>

Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2), 191–215. <https://doi.org/10.1037/0033-295X.84.2.191>

Candrakusuma, Mushlih (2020) Teladan Rasulullah SAW Sebagai Dasar Implementasi Sumber Daya Insani. *Journal of Islamic Banking*, 1 (2). pp. 149-167

Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). SAGE Publications.

- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (2nd ed.). Jossey-Bass.
- Mohd Jamil, M. R., Idris, N., Razalli, A. R., Othman, M. S., Mohd Hanapi, M. H., Md Zalli, M. M., & Nik Rakemi, N. M. H. (2023). Kesejahteraan Emosi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas: Pasca COVID-19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(2), 16–26. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.2.4.2023>
- Mohd Sharif, M. S. A., Kamarudin, M. F., Kamarulzaman, M. H., Mohd Saali, M. M. S. N., Esrati, M. Z., & Latif, M. N. (2022). Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Sirah Melalui Permainan Dalam Kalangan Pelajar Pintar Cerdas: Teaching and Learning Innovation Through Games Among Intelligent Intelligent Students. *AL-MAQĀSID The International Journal of Maqāsid Studies and Advanced Islamic Research*, 3(2), 45–58. <https://doi.org/10.55265/almaqasid.v3i2.43>
- Nadzri, S., Yaacob, S. E., Mohd Dali, N. R. S., & Haron, M. S. (2021). Pembinaan elemen akhlak dalam soft keusahawanan Islam berpandukan al-Quran dan Hadis. In *Proceedings of the 8th International Conference on Management and Muamalah (ICoMM 2021)* (pp. 200). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- Nor Izzati, M. N. (2021). Pendidikan Islam bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Guru sebagai Murabbi. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(1), 64–76. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.92>
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice* (3rd ed.). Sage Publications.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). SAGE Publications.
- Pritchard, A., & Woollard, J. (2010). *Psychology for the Classroom: Constructivism and Social Learning* (1st ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203855171>
- Roznaineh Asneh Otinin, & Musaiyadah Ahmadun. (2024). Kepentingan pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar di Sabah: Satu kajian awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9(54), 463–473. <http://www.ijepec.com/>
- Rubin, H. J., & Rubin, I. S. (2012). *Qualitative interviewing: The art of hearing data* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Salinda, S., & Zulkifli, A. G. (2022). Pendekatan Al-Muaddib dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pendidikan Islam: Al-Muaddib's Approach in The Teaching and Learning of Islamic Education Teachers. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 241–259. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/228>
- Sanderse, W. (2023). Adolescents' moral self-cultivation through emulation: Implications for modelling in moral education. *Journal of Moral Education*, 53(1), 139–156. <https://doi.org/10.1080/03057240.2023.2236314>
- Schunk, D. H., & DiBenedetto, M. K. (2020). Motivation and social cognitive theory. *Contemporary Educational Psychology*, 60, Article 101832. <https://doi.org/10.1016/j.cedpsych.2019.101832>
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes* (M. Cole, V. John-Steiner, S. Scribner, & E. Souberman, Eds. & Trans.). Harvard University Press

- Wagner, P. A. (2022). Tools for Teaching and Role-Modeling Critical Thinking. *Psychology*, 13(8), 1335–1341. <https://doi.org/10.4236/psych.2022.138086>
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). SAGE Publications.
- Zulkifli, A. M., Hamzah, M. I., & Mohd Noor, N. A. (2022). Teacher's personality as a model in online Islamic education. *Proceedings*, 82(1), 22
<https://doi.org/10.3390/proceedings2022082022>

Norafizah binti Mustafa
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah
72200 Kuala Pilah, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: norafizahmustafa83@gmail.com

Nursafra binti Mohd Zhaffar (Corresponding author)
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau
Kampung Pilin, 71300 Rembau, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: nursafra@uitm.edu.my

Mahfuzah binti Mohammed Zabidi
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA Shah Alam
Jalan Ilmu 1/1, 40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
Email: mahfuzah3051@uitm.edu.my